



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (25 OKTOBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **16 kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 15 kes di Daerah Kuching dan satu (1) kes di Daerah Serian. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 796 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu

Hari ini, terdapat tujuh (7) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19, tujuh (7) kes saringan kontak dan dua (2) kes dikesan dari lain-lain saringan. Perincian kes tersebut adalah seperti berikut:

i) Kes Saringan Pulang Dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19 (7 kes) (Kes Import-B)

Terdapat **tujuh (7)** kes telah dikesan melalui kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

- a) **Kes ke-781, 782 dan 787:** Ketiga-tiga kes ini merupakan dua (2) perempuan dan seorang (1) lelaki warganegara tempatan yang mempunyai sejarah pergerakan ke Selangor.
- b) **Kes ke-783:** Kes merupakan seorang perempuan warganegara tempatan yang mempunyai sejarah pergerakan ke Sungai Petani, Kedah.
- c) **Kes ke-784 dan 785:** Kedua-dua kes ini merupakan ibu dan anak yang mempunyai sejarah menghadiri majlis perkahwinan saudara di Kuantan, Pahang.
- d) **Kes ke-786:** Kes merupakan seorang penuntut di institusi pengajian tinggi di Kuala Lumpur.

Kesemua kes ke-781 hingga kes ke-787 telah pulang ke Sarawak pada 14 Oktober 2020 menaiki pesawat yang sama dan telah dimasukkan ke pusat kuarantin di Kuching. Keputusan ujian rT-PCR kali kedua pada 23 Oktober 2020 mendapati kesemua kes adalah positif COVID-19. Kes-kes ini telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

ii) Kes Saringan Kontak Kepada Kes Positif COVID-19 (7 kes)

Terdapat tujuh (7) kes baharu telah dikesan melalui aktiviti pengesanan kontak kepada kes positif COVID-19.

- a) **Kes ke-788, 789 dan 790** merupakan kontak rapat kepada kes Kluster Baki. Kes-kes ini mempunyai sejarah menghadiri perhimpunan keluarga bersama kes-768 dan 770 pada 4 hingga 5 Oktober 2020.

Kes-kes ini merupakan satu keluarga yang terdiri daripada suami, isteri dan anak yang merupakan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Wira Penrissen.

- b) **Kes ke-791, 793, 794 dan 795** merupakan kontak kepada kes **Kluster Seladah**. Tiga (3) kes merupakan ahli keluarga terdekat kepada kes-771 manakala satu (1) kes merupakan pelanggan yang pernah membeli kuih daripada kes-771.

iii) Lain-lain Saringan (2 kes)

- a) **Kes ke-792 dan 796**: Lelaki warganegara tempatan yang selalu berkunjung ke rumah panjang yang sama di Sematan, Lundu pada setiap hujung minggu. Kes-kes ini menjalani saringan COVID-19 di sebuah fasiliti kesihatan kerajaan di Kuching pada 23 Oktober 2020 kerana mempunyai kontak dengan kes yang positif RTK Antigen. Keputusan ujian rT-PCR pada 24 Oktober 2020 mendapati kes-kes ini adalah positif COVID-19.

B. Kluster Baharu Yang Diisytiharkan

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin mengisytiharkan satu (1) kluster baharu iaitu **Kluster Seladah** di Daerah Kuching. Indeks kes kepada kluster ini merupakan kes ke-771 yang telah disahkan positif pada 23 Oktober 2020. Seramai 17 orang kontak kepada kes ini telah disaring. Dua (2) daripada kontak telah didapati positif COVID-19 pada 23 Oktober 2020 dan empat (4) lagi kontak didapati positif COVID-19 pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes dalam **Kluster Seladah** ialah seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

Daripada enam (6) kontak yang positif ini, lima (5) kes merupakan ahli keluarga terdekat manakala satu (1) kes merupakan pelanggan kepada kes ke-771. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak lain kepada kluster ini sedang giat dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak untuk mengelak berlakunya perebakan yang lebih serius.

C. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, satu (1) kluster baharu telah dilaporkan di daerah Kuching iaitu Kluster Seladah. Ini menjadikan jumlah kluster yang masih aktif di Sarawak meningkat kepada empat (4) kluster. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 72 orang individu telah disaring, dimana:

- Empat (4) kes telah dikesan semasa saringan pertama dan
- Lapan (8) kes telah dikesan melalui saringan ulangan pada hari ke-10 semasa dalam kuarantin.
- 60 individu adalah negatif saringan COVID-19 termasuk 28 orang yang telah menjalani saringan kedua pada hari Ke-10.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 16.67%. Sehingga 25 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, empat (4) orang kes yang melibatkan kluster ini telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital. Lapan (8) orang kes lagi masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan berada di dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

ii) Kluster Putra di Daerah Bintulu.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 190 individu telah disaring dan lima (5) atau 2.63% telah dikesan positif COVID-19 dan 185 individu adalah negatif. Daripada 185 yang telah didapati negatif pada saringan pertama, seramai 80 orang individu atau 43.24% telah disaring untuk kali kedua (Hari Ke-10) di mana kesemua 80 individu tersebut juga telah didapati negatif ujian rT-PCR COVID-19.

Sehingga 25 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, kesemua orang kes yang dalam kluster ini telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital.

Adalah dimaklumkan bahawa satu (1) kes yang didaftarkan di Selangor telah dikeluarkan daripada kluster ini atas arahan Kementerian Kesihatan Malaysia setelah didapati mendapat jangkitan dari punca lain.

iii) Kluster Baki

Terdapat tiga (3) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini meningkat kepada lapan (8) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 96 individu telah disaring, dimana:

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19;
- 88 individu negatif; dan

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 8.33%. Sehingga 25 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

Aktiviti Pengesanan secara Aktif di Kampung Haji Baki

Setakat jam 12:00 tengahari, seramai 691 individu telah disaring semasa aktiviti pengesanan secara aktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak di Kampung Haji Baki. Kesemua individu yang di saring masih menunggu keputusan ujian Makmal.

iv) Kluster Seladah

Terdapat empat (4) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 18 individu telah disaring, dimana:

- Tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19;
- Empat (4) individu negatif; dan
- Tujuh (7) individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 38.88%. Sehingga 25 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

D. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **terdapat satu (1)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj ini adalah satu (1) kes dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **728** orang atau **91.46%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **50** orang iaitu:

- 43 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak; dan
- tujuh (7) kes di Hospital Miri

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **TIADA (0)** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.39%**.

Hari ini **18 PUI** baru telah dilaporkan dan **empat (4)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Daerah Kuching kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan seramai 26 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Ini menjadikan jumlah daerah yang masih berstatus Kuning adalah satu (1) buah daerah dan 39 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **36 kompaun** di Daerah Miri (22), Kuching (13) dan Betong (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **90 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan MDLA (24), SMC (21), MD Marudi (15), DBKU (12), BDA (9), MD Serian (4), MDMJ (3) dan MB Miri (2).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,349 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (185), Restoran (261), Kilang (7), Bank (98), Pejabat Kerajaan (45), Penjaja (25), Pasar Tani/Awam (60), Tempat Ibadah (59), Tempat Riadah (35), Tapak Pembinaan (20) dan lain-lain (554).

Seramai **550 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (256), ATM (32), RELA (128), APM (82), PBT (35), KKM (8) dan lain-lain agensi (9).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1) dan Sri Aman (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,678** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

25 OKTOBER 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN**1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Kes Terdahulu	780	Kes sedang dirawat di hospital	49	6.16%
Kes Baharu	16	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	136,730	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	796	Jumlah kes kematian	19	2.39%
IR per 100,000 penduduk	25.80	Kes telah sembuh dan discaj	728	91.46%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	3	9,180	18	9,980
Menunggu keputusan	0	4		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	42	0	0	7	0	49
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	1	0	0	0	1
	Kumulatif	605	39	46	36	728
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	15	6,615	15	493	0	440	0	12	41	40	26
Jumlah		15	6615	15	493	0	440	0	12	41	40	26

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (39)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	1	571	0	113	1	109	0	4	0	1	0
2	Bintulu	0	312	0	46	0	46	0	0	0	0	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	0	116	0	15	0	15	0	0	0	0	0
5	Lawas	0	21	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Serian	1	315	1	25	0	24	0	0	1	1	0
7	Lundu	0	257	0	3	0	3	0	0	0	0	0
8	Bau	0	179	0	7	0	7	0	0	0	0	0
9	Simunjan	0	63	0	8	0	8	0	0	0	0	0
10	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
11	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
12	Limbang	0	32	0	10	0	8	0	1	1	1	0
13	Miri	0	843	0	31	0	24	0	1	6	2	0
14	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
15	Sri Aman	0	54	0	4	0	3	0	1	0	0	0
16	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
17	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Matu	1	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
19	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
20	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
32	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		3	3,365	1	303	1	288	0	7	8	5	0
Jumlah Besar		18	9,980	16	796	1	728	0	19	49	45	26

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **274** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **23 buah hotel** adalah seramai **2,079 orang**. Manakala seramai **28,172 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 25.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,334)	Hock Lee	134
2		Kuching Park	126
3		Hilton	301
4		Harbour View	232
5		Riverside (Astana Wing)	209
6		Tune Hotel	99
7		Dormani Hotel	54
8		Grand Continental	179
9	Miri (483)	Mega Hotel	120
10		Imperial Palace	65
11		Eastwood Valley	56
12		Meritz	78
13		Miri	14
14		Dynasty	109
15		Citi Hotel	41
16	Bintulu (61)	Wasan Inn	0
17		Motel Kapok	34
18		Faber Inn	27
19	Limbang (106)	Purnama	56
20		Seri Malaysia (Lawas)	29
21		Shangshan (Lawas)	15
22		Mandarin (Lawas)	6
23	Sibu (95)	Premier	95
Jumlah PUS			2,079

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **4 lokasi di Miri (2), Kuching (1) dan Bintulu (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,836 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 25.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	1	594
2	Miri	2	345
3	Sibu	TIADA	184
4	Samarahan	TIADA	122
5	Bintulu	1	116
6	Sarikei	TIADA	113
7	Limbang	TIADA	86
8	Serian	TIADA	67
9	Betong	TIADA	57
10	Sri Aman	TIADA	52
11	Kapit	TIADA	51
12	Mukah	TIADA	49
Jumlah Keseluruhan			1,836

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **52 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 25.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	DBKU	6
2	MP Padawan	3
3	MD Serian	3
4	MD Bau	1
5	MD Sri Aman	6
6	MP Sibu	9
7	BDA	7
8	MCC	13
9	MD Marudi	3
10	MD Lawas	7
Jumlah		52